

30/09/2001

Musa janji pastikan Umno Sabah kuat

KOTA KINABALU: Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah yang baru, Datuk Musa Aman, berjanji berusaha gigih memastikan Umno Sabah terus kuat dan bertapak kukuh di negeri ini.

Sambil berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pimpinan tertinggi Umno atas pelantikan itu, beliau berkata ia bukan satu keistimewaan, tetapi tanggungjawab besar yang perlu dilaksanakan.

Sehubungan itu, katanya, beliau akan berjumpa dengan semua ketua parti komponen BN negeri bagi memastikan agenda politik lebih mantap terutama bagi menghadapi pilihan raya akan datang.

"Pelantikan ini adalah satu kejutan, tetapi saya menganggapnya sebagai tanggungjawab dan amanah yang perlu dilaksanakan...mungkin untuk beri kekuatan dan nafas baru kepada parti di Sabah," katanya ketika ditemui pemberita pada majlis perayaan Hari Wanita peringkat negeri 2001 di Hotel Magellan Sutera di sini semalam.

Sementara itu, pemimpin kerajaan dan Umno Sabah mengalu-alukan pelantikan Musa sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah yang baru.

Ketua Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, mengucapkan tahniah kepada Musa terhadap pelantikan itu dan berharap ia menambah lagi kekuatan BN negeri.

Chong yang juga Pengerusi BN negeri dan juga Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP) berkata pihaknya yakin hubungan antara parti komponen BN akan terus mantap dengan pelantikan itu.

Katanya, ini kerana Musa adalah pemimpin berpengalaman bukan saja dalam politik tetapi juga pentadbiran terutama menganggotai Kabinet kerajaan negeri.

(END)